



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai  
dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU TUKANG UBAT (M.3 EB.4)  
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU TUKANG UBAT  
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.3 EB.4 (\$570 - \$1,175 EB KHAS \$1,225 - \$1,425 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = ENAM (06)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan di salah satu Bahagian di Jabatan Perkhidmatan Farmasi seperti yang disenaraikan di bawah:-
  - a) Bahagian Perkhidmatan Farmasi Hospital;
  - b) Dispensari Pesakit Luar;
  - c) Dispensari Pesakit Dalam;
  - d) Bahagian Perkhidmatan Farmasi Komuniti;
  - e) Bahagian Pengeluaran Farmaseutikal;
  - f) Bahagian Komplians dan Perlesenan;
  - g) Bahagian Farmakovigilans;
  - h) Bahagian Regulatori Produk; dan
  - i) Bahagian Pembelian Farmasi.



Penempatan ini tertakluk kepada keperluan Bahagian-Bahagian Perkhidmatan Farmasi atau pengalaman tambahan pada calon-calon;

2. Bersedia untuk menerima arahan dan menjalankan tugas yang berkaitan dengan kerja seperti yang diberikan oleh Ahli Kimia Ubat dan Tukang Ubat Terlatih. Tugas-tugas berkenaan adalah seperti berikut di bawah;
  - a) Tugas-tugas harian pembungkusan semula ubat-ubatan *internal* atau *external* mengikut proses-proses yang telah ditetapkan dalam Manual Prosedur Kerja (MPK).
  - b) Memastikan bahawa ubat-ubatan yang dibungkus semula adalah mencukupi, selamat dan berkualiti untuk memenuhi permintaan daripada dispensari-dispensari Hospital dan Pusat Kesihatan.
  - c) Membekalkan ubat-ubatan yang telah dibungkus semula kepada dispensari-dispensari di hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik di bawah jagaan Kementerian Kesihatan.
  - d) Penyediaan pesanan stok dari wad-wad hospital dan unit kecemasan. Tugas ini juga termasuk mengumpul dan menghantar stok ke wad-wad berkenaan.
  - e) Mencuci botol dan bekas-bekas yang berkaitan untuk digunakan dalam mengisi ubat-ubatan.
  - f) Menolong dalam kerja-kerja stor ubat.
  - g) Memberi bantuan kepada Ahli Kimia Ubat dan Tukang Ubat Terlatih sebagai *picker* dan *packer* ubat dalam proses mendispen ubat-ubatan.
  - h) Membantu dalam perkhidmatan *extended* farmasi di luar waktu berkerja (waktu malam) di Pusat-Pusat Kesihatan dan Perkhidmatan *on-call* di Hospital RIPAS pada hari kelepasan awam.
  - i) Untuk mengasingkan ubat-ubatan yang telah mansuh, tidak dapat digunakan dan yang telah dikembalikan oleh pesakit-pesakit.
3. Calon-calon akan bertanggungjawab terus kepada Ahli Kimia Ubat dan Tukang Ubat Terlatih di semua peringkat di Bahagian berkenaan; dan
4. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.